



UM 9/8/2022 Ms : 5

Ikan laga Sarawak jadi tumpuan

SEEKOR ikan laga jenis Unimaculata iaitu Betta Macrostoma menjadi tumpuan pengunjung di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Ikan laga yang berhabitat di Sarawak dan Brunei itu menjadi perhatian orang ramai khususnya peminat haiwan tersebut disebabkan corak badannya selain sukar untuk ditemui.

Menurut Ahli Jawatankuasa

Persatuan Pecinta Ikan Laga Liar Malaysia (WBLM), Muhammad Fairuz Abdul Jalal, selain memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang jenis-jenis ikan spesies Betta, pihaknya turut mengajar cara menjaga ikan yang berpotensi dijadikan aquascape supaya aquarium kelihatan lebih semula jadi.

Katanya, persatuan juga menawarkan pengalaman baharu kepada pengunjung memancing ikan laga liar di dalam kolam yang disediakan.